

**PENGAJARAN BERDASARKAN AKTIVITI DRAMA DALAM MENINGKATKAN
PENCAPAIAN DAN MOTIVASI PELAJAR BERASASKAN
'TEACHING FOR REAL'**

Yahida Yahya
Sekolah Menengah Yusof Ishak
Pusat Bahasa Melayu Singapura
13 Bishan Street 14, Singapore 579782
nuraishah_mahmood@moe.edu.sg

ABSTRAK

Drama dalam pendidikan telah bermula apabila anak-anak Queen Victoria dan Albert mementaskan Athalia dan beberapa cerita lain. Peranan drama dalam pendidikan begitu signifikan berlaku pada pertengahan abad kelapan belas. Drama – sebuah aktiviti yang melibatkan penggunaan teknik yang luas seperti pergerakan, aksi vokal dan tumpuan mental lazimnya kurang menyerlah di dalam pengajaran bahasa Melayu berbentuk tradisional. Tinjauan awal yang dijalankan menunjukkan bahawa pelajar lebih terangsang dan berminat sekiranya aktiviti berdrama dijalankan di bilik darjah. Melalui daya kreativiti guru, pengubahsuaian strategi dan teknik pengajaran dilakukan untuk menerapkan aktiviti berdrama dalam pengajaran bagi merangsang pembelajaran terutama bagi pelajar-pelajar yang kurang motivasi dan minat terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian yang dijalankan merupakan sebuah kajian percubaan untuk menerapkan penggunaan drama dalam mengukuhkan pengajaran bahasa, menyemai sikap suka membaca dan sekaligus menanam nilai-nilai murni melalui karya-karya sastera yang dibaca. Prinsip TEACHING FOR REAL dijadikan sebagai panduan dan sandaran dalam persiapan melakarkan pengajaran menggunakan aktiviti berdrama untuk mencapai objektif pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa objektif pengajaran tercapai. Pelajar didapati lebih bersemangat dan mampu berkomunikasi dengan lebih berkesan dan meyakinkan. Bakat serta kreativiti pelajar juga dapat diasah. Pencapai pelajar dari segi aspek tatabahasa serta pencapaian dalam komponen kefahaman turut meningkat. Dengan penerapan teknik berdrama dalam pengajaran dan pembelajaran, pelajar didapati lebih bersedia dan yakin menghadapi peperiksaan.

Kata Kunci: *Drama, Motivasi, Pemerhatian, Temu Bual, Pemikiran Bercapah*

1. Pengenalan

“Why Don't Students Like School?” Keputusan akademik yang kurang memuaskan atau rendah. Pelajaran yang membosankan dan membebankan fikiran. Kurang keterlibatan di dalam aktiviti kelas kerana malu dan tidak yakin. Itu adalah di antara masalah mengapa para pelajar tidak berminat untuk bersekolah. Tujuan mereka ke sekolah bukanlah dengan tujuan utama untuk belajar dan membentuk minda mereka, sebaliknya lebih untuk berinteraksi secara santai dengan kawan-kawan. Berdasarkan kajian di dalam buku *“Why Don't Students Like School?”*, otak tidak cenderung untuk berfikir dengan sendirinya. Malah, otak mengelak untuk berfikir melainkan di dalam situasi-situasi kognitif yang menggalakkan pemikiran. Pengajaran berdasarkan aktiviti drama dikaji dalam meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Di dalam kajian ini, pelajar yang mendapat keputusan yang sederhana di dalam Peperiksaan Akhir Tahun 2012, diharapkan dapat meningkatkan prestasi

akademik, berkeyakinan dalam pertuturan untuk menyampaikan idea secara berkesan dan keluar dari kepompong rasa rendah diri yang menghambat pembabitan mereka dalam aktiviti di dalam kelas/luar kelas. Aktiviti-aktiviti drama dan teknik dipilih kerana ia adalah wahana yang sesuai untuk menyatukan emosi pelajar dengan kognitif mereka. Dalam pengalaman mereka melakukan aktiviti-aktiviti drama, mereka mengambil risiko dalam penggunaan bahasa dan merasakan hubungan di antara pemikiran dan kelakuan. Mempelajari Bahasa Melayu melibatkan penimbangan di antara penerimaan pengajaran guru dan mempraktikkan kemahiran-kemahiran bahasa seperti membaca, memahami, bertutur dan menyampaikan buah pemikiran. Penggunaan drama akan dapat memenuhi keperluan ini secara berkesan kerana melalui drama, sesebuah kelas akan belajar menggunakan dan mempraktikkan bahasa serta mengintegrasikan bacaan, penulisan, pertuturan dan pendengaran. Aktiviti berdrama juga akan dapat menimbulkan dan mengekalkan rasa minat pelajar untuk terus melibatkan diri di dalam aktiviti yang dijalankan kerana suasana pembelajaran yang menarik dan penuh dengan elemen hiburan. Dengan itu, perasaan dan perhatian pelajar digait, memperkayakan pengalaman pelajar dalam pembelajaran bahasa ibunda mereka yang semakin menerima tekanan daripada Bahasa Inggeris yang dianggap lebih penting dari segi ekonomi dan penggunaannya yang semakin meluas.

2. Tinjauan Bahan Rujukan

Minda manusia tidak secara alaminya cenderung untuk berfikir kerana berfikir memerlukan usaha, berlaku secara perlahan dan tidak menjanjikan kejayaan. Oleh itu manusia tidak bergantung kepada pemikiran secara sedar tetapi sebaliknya banyak bergantung kepada memori. Walaubagaimanapun, apabila proses berfikir dapat dilakukan dengan jayanya, manusia berasa puas hati. Oleh itu manusia mencari peluang untuk berfikir tetapi, manusia hanya memilih masalah yang memberi cabaran dan pada masa yang sama, dapat diselesaikan dengan jayanya. Untuk memastikan pemikiran yang berjaya, pemikir harus ada maklumat yang secukupnya daripada persekitaran, ruang dalam memori berfikir serta fakta dan prosedur yang diperlukan di dalam memori jangka masa panjang. Teknik menggunakan aktiviti drama diaplikasikan di dalam kelas untuk menggalakkan proses pemikiran di dalam para pelajar. Menurut Sir John Pollock (1958), drama adalah satu pertunjukan yang berlaku penyatuan antara lakonan dan pengucapan atau persembahan gerak laku, serta melakonkan atau meniru watak-watak. Drama harus mengandungi persoalan, tindakan, perkembangan dan klimaks serta kesimpulan. Drama adalah wadah yang baik untuk meneroka aspek teori dan praktikal Bahasa Melayu. Aktiviti berdrama dapat dibentuk untuk membina pengajaran di dalam kelas bagi membina kemahiran berkomunikasi atau selainnya di dalam situasi yang autentik dan dinamis. Dengan menggunakan aktiviti berdrama sebenarnya, pelajar diberikan peluang untuk mempraktikkan Bahasa Melayu dan mengaplikasikan teknik dalam keadaan yang bebas tekanan serta membuat hubungan di antara apa yang baru dipelajari dengan pengalaman pelajar.

3. Tujuan Kajian

Aktiviti-aktiviti drama yang bervariasi, menarik, eksperiensial dan visual bentuknya seperti mimos, improvisasi, main peranan, teater bercerita, dikon, simulasi, boneka, teater membaca dapat diolah untuk memenuhi keperluan rangsangan, isu pelajaran, pengukuhan atau pengayaan, pemulihan dan penilaian di dalam sesuatu pengajaran. Di dalam kajian ini, beberapa aktiviti drama seperti bermain boneka(puppet), wayang kulit, lakonan pelajar dan lakonan guru telah diolah untuk mencapai objektif pengajaran akademik bagi persiapan peperiksaan yang diinginkan seperti karangan naratif, pemahaman, peribahasa, dan kata kerja.

Pada masa yang sama, objektif pembentukan pelajar yang berkeyakinan dan kreatif dan pandai bekerjasama dengan anggota yang lain ingin dicapai juga. Justeru, tujuan kajian kami adalah seperti berikut:

1. Mengkaji keberkesanan menggunakan aktiviti berdrama dalam meningkatkan motivasi pelajar mempelajari Bahasa Melayu.
2. Mengkaji peningkatan prestasi pelajar dalam peperiksaan bahasa melayu dengan menggunakan dapatan ujian-ujian kelas serta markah peperiksaan dalam tahun 2012 dan tahun 2013.
3. Meningkatkan keyakinan diri pelajar bagi tujuan meningkatkan keupayaan berkomunikasi.
4. Meningkatkan keupayaan pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis melalui penulisan.

4. Permasalahan Kajian

Pelajar menengah 1 dan 2 daripada aliran Ekspres didapati lebih cenderung kepada Bahasa Inggeris kerana Bahasa Inggeris adalah bahasa komunikasi di rumah dan juga pergaulan sosial bagi 90% daripada mereka. Oleh itu, penting bagi meningkatkan minat pelajar di dalam pembelajaran Bahasa Melayu iaitu Bahasa Ibunda yang kian terabai di tengah-tengah kepesatan mencapai kemajuan akademik di sekolah oleh pelajar-pelajar aliran Ekspres.

Bagi pelajar menengah 2 Normal Akademik, mereka lemah dalam kemahiran menjawab peperiksaan kerana, mereka mudah terlupa dan tidak dapat mengaplikasikan kemahiran-kemahiran yang diperlukan bagi menjawab soalan-soalan peperiksaan. Mereka juga bersifat aktif dan tidak cenderung kepada pembelajaran tradisional di mana guru mengajar dan mereka duduk mendengar. Mereka aktif dan berani menyampaikan pendapat.

Lain halnya dengan pelajar 1 Normal Teknikal, mereka lebih cenderung kepada kinestetik dan agak kurang yakin berkomunikasi secara formal dalam bilik darjah. Mereka mudah bosan dengan kaedah pengajaran tradisional yang kadang kala boleh mengakibatkan mereka hilang tumpuan dan minat mempelajari bahasa Melayu. Keupayaan mereka bertutur dalam bahasa Melayu agak baik, namun ada yang memilih untuk berdiam diri sahaja di dalam kelas bahasa Melayu.

Pelajar menengah 4 Ekspres pula, memerlukan banyak latihan dan pengajaran mengimbas kembali untuk mempersiapkan diri mereka bagi peperiksaan yang akan datang.

5. Kajian Lepas

Beberapa kajian saintifik telah menunjukkan bahawa drama aktiviti yang kreatif dan berbentuk instruksional serta pendidikan mempunyai kesan yang positif kepada proses pendidikan secara amnya dan memperkukuhkan pertuturan serta komunikasi. Satu ciri penting dari aspek sosial kemahiran berkomunikasi secara lisan adalah kebolehan memberi ucapan dengan keyakinan dan rasa selesa. Aktiviti berdrama adalah cara yang paling sesuai untuk membentuk keyakinan diri di dalam diri pelajar. Menurut Pietro(1987), pelajar yang lazimnya tidak banyak berbicara lebih cenderung untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti yang sedang dijalankan kerana mereka tidak rasa diri mereka digugat oleh guru. Sam (1990) bersetuju dengan menyatakan yang aktiviti berdrama dapat memberi peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif kerana ia melibatkan pelajar bukan sahaja secara

mental tetapi personaliti dan ketrampilan mereka juga. Desiatova(2009) pula menyatakan bahawa manfaat menggunakan teknik serta aktiviti drama amat terserlah kerana menggalakkan pelajar untuk bertutur dan berkomunikasi walaupun mereka mereka mempunyai keupayaan berbahasa yang terhad. Pelajar dapat menggunakan cara komunikasi bukan lisan seperti seperti dari segi mimik muka dan pergerakan badan. Penglibatan pelajar dalam aktiviti berdrama memberikan pelajar peluang untuk melihat perhubungan di antara konteks dan penggunaan bahasa kerana mereka harus memenifestasikan bahasa ke dalam bentuk aksi. Pelajar harus menginterpretasikan makna bagi bahasa itu berdasarkan konteks. Dengan ini pelajar akan dapat menghubungkan bahasa yang telah dipelajari dengan pengalaman mereka tentang dunia (Maley and Duff, 1978) .

6. Kaedah Kajian

Beberapa eksperimen telah dijalankan untuk meninjau keberkesanan aktiviti dan teknik berdrama di dalam meningkatkan pencapaian serta motivasi pelajar. Kelompok pelajar yang berbeza-beza telah menjalani aktiviti-aktiviti yang bervariasi untuk melihat keberkesanan aktiviti dan teknik berdrama di dalam mencapai objektif yang berbeza. Kaedah berbentuk kuantitatif dan kualitatif diambil bagi menjalankan kajian ini untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan benar.

6.1 Subjek Kajian

Ciri-ciri responden bagi tujuan sampling .

- 1 kumpulan kelas menengah daripada 2 Normal Akademik – 32 pelajar yang mendapat gred A1 – B4 pada tahun 2012)
- 1 kelas menengah daripada 2 Ekspres yang terdiri daripada 9 orang pelajar yang mengambil Bahasa Melayu Lanjutan (penguasaan Bahasa Melayu yang agak baik tetapi tidak meminati Bahasa Melayu; lebih cenderung kepada Bahasa Inggeris)
- 1 kelas menengah daripada 4 Ekspres yang terdiri daripada 17 orang pelajar. Prestasi mereka pelbagai terdiri daripada yang lemah (mendapat C6 hinggalah ke A2)
- 1 kelas menengah daripada 1 Ekspres yang berbeza profil pelajarannya (mendapat C untuk PSLE hinggalah ke A*). 21 orang pelajar – 3 orang pelajar mendapat gred C, 2 orang mendapat A* dan 16 orang mendapat A.
- 1 kelas menengah daripada 1 Normal Teknikal yang terdiri daripada 22 orang pelajar yang mengambil Bahasa Melayu Asas. Mereka lebih gemar dan selesa berkomunikasi secara santai/tidak formal. Adakalanya perbualan mereka boleh bertukar kepada salah faham dan pergaduhan.

6.2 Instrumen Kajian

Kaedah yang berbeza-beza digunakan terhadap kelompok pelajar yang beza-beza. Kaedah yang telah digunakan ialah:

1. Pemerhatian / Teori Grounded

Pencerapan reaksi pelajar oleh guru pengkaji bagi tujuan mengukur minat dan penglibatan pelajar di dalam aktiviti yang telah digubal.

2. Temu bual

Menemubual pelajar selepas persembahan mereka untuk mendapatkan maklumbalas pelajar tentang aktiviti yang telah dijalankan.

3. Analisis Data

Perbandingan markah peperiksaan yang dijalankan pada tahun 2013 dilakukan untuk ketiga-tiga kumpulan dengan menggunakan aktiviti-aktiviti berdrama bagi mengkaji peningkatan dalam pengaplikasian kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk para pelajar kuasai bagi tujuan peperiksaan. Format-peperiksaan tidak diubah bertujuan untuk menguji kebolehan pelajar mengaplikasi kemahiran.

4. Rujukan

Rujukan internet melalui komputer juga dijalankan untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi menggubal pengajaran yang sesuai untuk memenuhi objektif pengajaran yang ingin dicapai.

6.3 Prosedur Kajian

6.3.1 Eksperimen 1

Subjek bagi eksperimen ini adalah 9 orang pelajar daripada menengah 2 Ekspres. Walaupun mereka mengambil Bahasa Melayu Lanjutan, mereka masih belum dapat menggarap kemahiran menjawab soalan kefahaman. Pemahaman terhadap sesuatu teks juga masih boleh diperbaiki kerana mereka membaca sesuatu teks secara keseluruhan sahaja dan tidak berupaya untuk membuat rujukan inferens terhadap teks itu. Mereka juga lebih selesa bertutur di dalam bahasa Inggeris. Ujian diagnostik dijalankan dan 7 orang gagal di dalam ujian itu. Dua orang lulus tetapi hanya seorang sahaja yang lulus dengan cemerlang. Oleh itu, bagi mendapatkan pemahaman pelajar terhadap teks, guru pengkaji telah menggubal sebuah pengajaran di mana pelajar-pelajar dikehendaki untuk menghidupkan teks itu secara berkumpulan dengan melakonkannya.

Pelajar-pelajar dikehendaki untuk memikirkan dan mengekspresikan mimik wajah, gerak-geri dan juga latar susunan props. Guru tidak akan membantu sekadar memberikan pembayang dengan membacakan ayat-ayat di dalam teks untuk pelajar fikirkan dengan lebih mendalam cara untuk mengekspresikannya dengan lebih baik. Percubaan pertama pelajar tidak begitu berjaya kerana terdapat banyak aspek teks itu yang tidak diungkapkan secara eksplisit ataupun implisit. Setelah mendengar teguran guru, percubaan pelajar yang kedua berjaya dari segi ketepatan dengan teks serta inferens yang bernas berdasarkan konteks. Pelajar dapat menjawab soalan-soalan berdasarkan teks yang berasaskan Blooms Taksonomi dengan baik termasuk soalan yang memerlukan daya pemikiran yang lebih kritis. Jawapan mereka dapat diperkukuhkan dengan bukti walaupun tanpa bimbingan guru. Pemahaman pelajar telah ditingkatkan dengan aktiviti melakonkan teks itu. Guru pengkaji mengingatkan pelajar untuk mengimajinasikan apa yang mereka baca di dalam minda sehinggalah kepada butiran yang terkecil untuk membantu meningkatkan pemahaman.

Ujian 1 adalah ujian yang menggunakan teks yang mempunyai tema serupa dan jenis soalan-soalan yang serupa dengan ujian diagnostik. Ujian kedua dijalankan menggunakan teks yang mempunyai tema yang berbeza tetapi soalan yang serupa. Ujian ketiga pula dijalankan pada jangka waktu yang agak jauh daripada aktiviti drama yang telah dijalankan di penggal 1 bagi melihat sama ada pelajar dapat mengekalkan apa yang telah mereka pelajari.

6.3.2 Eksperimen 2

Subjek bagi eksperimen kedua ini pula adalah 17 orang pelajar daripada menengah 4 Ekspres yang terdiri daripada mereka yang mempunyai kebolehan yang pelbagai. Para pelajar didapati masih tidak dapat menguasai penulisan karangan naratif dengan baik. Karangan mereka hambar dan tidak diaplikasikan dengan teknik-teknik karangan naratif yang dapat mempertingkatkan mutu karangan naratif pelajar menjadi lebih baik. Aktiviti berdrama yang telah guru pengkaji pilih untuk menggalakkan pelajar mengaplikasikan teknik-teknik karangan naratif adalah lakonan guru.

Bagi kajian ini, para pelajar menengah 4 Ekspres telah menghadiri Seminar Bimbingan Persiapan Peringkat 'O' yang telah dianjurkan oleh sekolah-sekolah Kelompok Barat 2. Guru pengkaji yang juga guru bertanggungjawab membentangkan tentang karangan naratif telah beraksi dengan menghidupkan karangan dengan lakonan secara individu melalui teknik-teknik penulisan yang sesuai. Para pelajar telah mengambil bahagian dalam aktiviti amali yang juga diadakan di dalam sesi itu iaitu mereka mengaplikasikan teknik-teknik yang sesuai untuk menghidupkan sesuatu konflik. Beberapa kumpulan juga telah terpilih untuk melakonkannya.

Setelah sesi seminar itu, pengajaran usulan telah dijalankan di mana para pelajar diingatkan semula tentang teknik-teknik yang harus mereka fahami dan aplikasikan dalam karangan mereka. Beberapa orang telah dipilih untuk membaca penulisan mereka yang kini sarat dengan teknik-teknik penulisan yang sesuai menggunakan intonansi suara yang sesuai dan gerak-geri badan yang sesuai.

Dalam pengajaran yang seterusnya, pelajar dikehendaki menulis sebuah karangan naratif menggunakan teknik-teknik penulisan yang sesuai. Sebab aktiviti bercerita ini dipilih adalah untuk membuktikan kepada para pelajar bahawa teknik penulisan adalah penting untuk diaplikasikan ke dalam karangan naratif kerana bisa menghidupkan karangan itu. Pelajar juga lebih memahami cara dan bila untuk menggunakan teknik-teknik karangan naratif yang sesuai kerana mereka akan membaca tulisan mereka sendiri untuk mendapatkan kesan yang mereka kehendaki. Dalam pengajaran seterusnya, guru membawa pelajar untuk mendapatkan inspirasi bagi mengolah plot karangan naratif yang menarik.

6.3.3 Eksperimen 3

Eksperimen yang ketiga ini melibatkan kumpulan pelajar menengah daripada aliran 1 Ekspres yang mempunyai penguasaan Bahasa Melayu yang berbeza-beza. Mereka lebih selesa berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris berbanding dengan Bahasa Melayu. Aktiviti berdrama ini adalah amat sesuai bagi menggalakkan pelajar-pelajar ini berjinak-jinak menggunakan bahasa melayu di dalam pertuturan dan meningkatkan motivasi mereka untuk mempelajari bahasa melayu.

Bagi kajian ini, guru menggunakan aktiviti-aktiviti yang berbeza bagi mencapai objektif pengajaran yang berbeza. Aktiviti berlakon menghidupkan boneka (puppet) digunakan untuk mengajar peribahasa. Daripada pemerhatian guru pengkaji, pelajar-pelajar begitu ghairah untuk menggunakan boneka-boneka itu. Mereka diberi dua peribahasa dan harus menggunakannya di dalam dialog di antara watak-watak boneka yang telah mereka pilih.

Mereka begitu tekun membuat perbincangan merancang dialog mereka dan menyelitkan peribahasa yang harus mereka aplikasikan. Mereka juga berlatih menggunakan boneka. Sewaktu persembahan berkumpul, guru pengkaji mendapati bahawa para pelajar bersungguh –sungguh melakonkan boneka mereka. Suara mereka diubah mengikut boneka yang telah mereka pilih. Contoh, suara yang tinggi dan lembut untuk boneka arnab dan suara yang garau untuk boneka musang. Walaupun kadangkala perbincangan dijalankan dalam Bahasa Inggeris tetapi mereka berusaha untuk menggunakan Bahasa Melayu apabila diingatkan guru pengkaji.

6.3.4 Eksperimen 4

Subjek bagi eksperimen ini adalah 32 orang pelajar daripada menengah 2 Normal Akademik. Walaupun mereka sudah dua tahun mempelajari bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah, mereka masih belum dapat menggarap kemahiran menjawab soalan peperiksaan khasnya bahagian penulisan. Kemahiran yang diajarkan sering mereka lupa, lebih-lebih lagi setelah peperiksaan Semestral. Ujian penulisan menunjukkan mereka kurang dan ada juga yang tidak mengaplikasi segala teknik penulisan yang diajarkan. Guru pengkaji telah menggubal sebuah pengajaran di mana pelajar-pelajar dikehendaki untuk menulis dialog yang diubah kepada srip lakonan dan menghidupkan suasana bersesuaian dengan tema secara berkumpul dengan melakonkannya.

Dengan tema Kebersihan Persekitaran (Akibat Kecuaian Kita) pelajar-pelajar dikehendaki untuk memikirkan jalan cerita yang bertepatan dengan tema dan tajuk persembahan. Mereka harus memastikan ada perkara-perkara penting yang guru tetapkan di dalam persembahan mereka itu. Dua perkara penting itu adalah perkataan-perkataan yang berimbuhan 'meN....kan' dan peribahasa yang bersesuaian dengan topik. Pelajar digalakkan memberikan perhatian kepada mengekspresikan mimik wajah, gerak-geri dan juga latar susunan props. Guru sekadar memantau gerak kerja pelajar dan memberikan tip-tip jika pelajar perlukan. Percubaan pertama pelajar berlakon pernah di jalankan dengan bantuan skrip drama radio. Tetapi kali ini mereka menulis skrip mereka sendiri, mengarah lakonan mereka sendiri dan juga menyediakan prob yang mereka perlukan. Pelajaran tersebut telah dapat dijalankan dengan berjaya dan berkesan di mana pelajar yang menonton persembahan kumpulan dapat mengenalpasti perkataan-perkataan berimbuhan 'meN...kan' dan peribahasa yang digunakan berdasarkan tema dan tajuk, dengan melengkapkan lembaran kerja yang diberikan. Aktiviti ini diperkukuhkan lagi dengan latihan susulan iaitu menulis laporan(sebagai seorang pemberita) bagi salah satu isu yang dilakonkan pelajar-pelajar. Tugas menulis ini dapat mereka selesaikan di rumah dengan baik walaupun tanpa bimbingan guru. Kebolehan pelajar menulis telah ditingkatkan dengan aktiviti lakonan dalam kelas itu.

Sesi berdrama ini telah mendapat perhatian semua pelajar termasuk mereka yang sebelum ini agak pasif di dalam kelas. Mereka mengambil masa dua hari untuk menulis skrip serta berlatih drama hasil tulisan mereka sendiri.

6.3.5 Eksperimen 5

Eksperimen yang terakhir ini melibatkan kumpulan pelajar menengah daripada aliran 1 Normal Teknikal melalui aktiviti komunikatif bertemakan budaya Melayu yang dijalankan selama dua minggu. Projek kumpulan ini bertemakan Warisan Seni Pentas: Wayang Kulit. Pelajar diberi maklumat mengenai jenis-jenis wayang kulit, asal usulnya dan juga watak-watak wayang kulit. Mereka dikehendaki melukis dan mewarnakan serta memotong patung

wayang kulit pilihan mereka. Menyusuli aktiviti itu, pelajar diminta menjadi dalang hanya membawa satu watak. Aktiviti berdrama ini adalah amat sesuai bagi menggalakkan pelajar-pelajar ini berjinak-jinak menggunakan bahasa melayu yang sempurna di dalam pertuturan dan meningkatkan motivasi mereka untuk menggunakan bahasa melayu secara formal.

Bagi kajian ini, guru menggunakan aktiviti-aktiviti yang berbeza bagi mencapai objektif pengajaran yang berbeza. Aktiviti berlakon menghidupkan patung wayang kulit digunakan untuk mengajar pelajar bertutur dengan sopan dan gramatis. Daripada pemerhatian guru pengkaji, pelajar-pelajar begitu ghairah untuk menggunakan patung-patung tersebut. Mereka diberi peluang berlakon secara spontan kerana kebolehan menulis pelajar golongan ini agak terhad. Mereka begitu tekun membuat patung-patung dan merancang dialog mereka dan menyelitkan isu-isu masakini yang harus mereka aplikasikan, contohnya tentang kebersihan dan kesihatan. Mereka minta untuk berlatih menggunakan patung-patung wayang kulit. Sewaktu persembahan berkumpul, guru pengkaji mendapati bahawa para pelajar bersungguh –sungguh berlakon. Suara mereka diubah mengikut watak yang telah mereka pilih. Jelas pelajar kita walau dari aliran apapun sangat kreatif.

7. Dapatan Kajian dan Perbincangan

7.1 Eksperimen 1

Jadual 1: Dapatan daripada ujian-ujian yang telah dijalankan

	Nama pelajar	Ujian Diagnostik (Term 1) 30 markah	Ujian 1 (Term 1) 30 markah	Ujian 2 (Term 1) 30 markah	Ujian 3 (Term 2) 30
1.	Pelajar 1	18	17	10	-
2.	Pelajar 2	7	-	19	20
3.	Pelajar 3	24	26	21	16
4.	Pelajar 4	8	11	5	18
5.	Pelajar 5	10	14	19	18
6.	Pelajar 6	13	21	16	14
7.	Pelajar 7	9	-	16	-
8.	Pelajar 8	12	11	14	17
9.	Pelajar 9	12	15	16	-

Rata-rata terdapat peningkatan dari segi prestasi pelajar di dalam ujian-ujian yang seterusnya. Walaupun terdapat penurunan dari segi kualiti kelulusan di dalam ujian keempat, tetapi ia tetap lebih baik daripada ujian pertama pelajar secara amnya. Penurunan dari segi kualiti markah itu mungkindisebabkan jarak masa yang agak jauh daripada pengajaran yang telah dijalankan dalam penggal sebelumnya. Walaubagaimanapun, pelajar masih dapat terus untuk mengaplikasikan penghidupan imaginasi mereka walaupun memerlukan aktiviti mengimbas kembali. Daripada pemerhatian guru pengkaji, pelajar-pelajar didapati mencuba sedaya-upaya untuk bekerjasama di antara satu sama lain bagi menghasilkan sebuah sketsa yang tepat mengikut jalan cerita seperti yang terpapar di dalam teks itu di dalam pengajaran menggunakan drama. Pelajar juga didapati lebih memahami sesebuah teks selepas pengajaran itu dijalankan.

7.2 Eksperimen 2

Dalam latihan sesi amali di dalam seminar, pelajar dapat menghidupkan sebuah konflik dengan menggunakan teknik. Cara pelajar menceritakan perenggan karangan mereka juga baik kerana mereka cuba untuk menjadikan cerita mereka menjadi lebih menarik. Rasa malu dapat diketepikan kerana guru pencerita yang bercerita dengan mimik muka, gerak-geri badan serta intonansi suara yang sesuai menjadikan suasana tidak mengugut pelajar malah mendorong mereka untuk sama memberikan yang terbaik. Guru pengkaji juga telah mendapatkan pendapat pelajar dan guru-guru yang hadir di dalam seminar itu untuk memberikan komen tentang aktiviti bercerita yang dijalankan. Para pelajar menyatakan bahawa bahagian pembentangan karangan naratif adalah yang paling menarik dan mereka tidak berasa mengantuk sepanjang pembentangan. Mereka juga menjadi ghairah untuk mencuba teknik-teknik yang baru dikongsikan di dalam karangan mereka. Guru-guru yang hadir juga memberikan maklumbalas yang serupa menyatakan bahawa mereka terhibur dengan pembentangan yang berbentuk bercerita itu.

Di dalam aktiviti pengajaran susulan, pelajar dilatih untuk menggunakan teknik-teknik yang sesuai bagi menyampaikan beberapa konflik. Pelajar sudah semakin terbiasa menggunakan teknik-teknik karangan naratif. Pelajar-pelajar juga kini sudah semakin bersedia untuk menulis sebuah karangan naratif yang lengkap. Pelajar berusaha untuk memikirkan sebuah jalan cerita yang bukan sahaja menarik tetapi pada masa yang sama memenuhi keperluan soalan. Rata-rata ke semua pelajar telah mencuba untuk mengolah plot cerita mereka dengan menyelitkan teknik-teknik penulisan karangan naratif yang sesuai. 15 orang pelajar telah berjaya meraih markah melebihi 26 mata daripada 40 mata markah penuh.

7.3 Eksperimen 3

Bagi eksperimen ini, guru pengkaji mendapati bahawa para pelajar berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai objektif pengajaran dengan merancang dialog mereka. Walau bagaimanapun, ada dua kumpulan yang menginterpretasikan makna peribahasa dengan tidak tepat. Guru pengkaji terpaksa memberi maklumbalas dan membetulkan interpretasi pelajar yang tidak tepat itu dan memberikan saranan yang lebih baik bagi mengaplikasikan peribahasa itu di dalam bentuk dialog. Daripada pemerhatian guru, pelajar didapati begitu khusyuk membuat perancangan dan melakonkan watak-watak boneka mereka. Namun di dalam keghairahan mereka, aspek interpretasi peribahasa dengan lebih tepat diabaikan.

7.4 Eksperimen 4

Guru pengkaji dan guru-guru yang diundang menghadiri sesi persembahan ini mendapati bahawa para pelajar berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai objektif pengajaran dengan merancang skrip dan lakonan mereka. Persembahan mereka itu telah diadili dan kumpulan yang menang telah diberikan hadiah. Guru yang menjadi pengadil memberikan maklumbalas yang sangat positif dan menggalakkan kerana pelajar kelihatan begitu yakin dan seronok berlakon. Walaupun ada kumpulan yang kekurangan jumlah pelakon hari itu, mereka tetap dapat mengahasiq persembahan yang baik dengan membuat pengubahsuaian secara automatik. Maklumbalas pelajar juga menyatakan mereka sangat seronok berlakon dan telah memahami topik tatahabasa yang diberikan dengan lebih baik. Mereka juga dapat mengenal pasti peribahasa-peribahasa yang sesuai dengan situasi.

7.5 Eksperimen 5

Jadual 2: Sikap dan Minat Pelajar Normal Teknikal terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu yang mengaplikasikan teknik drama

No	Perkara	Setuju		Tidak Setuju	
		Kekerapan	Peratus %	Kekerapan	Peratus %
1	Guru yang mengajar melalui teknik drama menjadikan saya seronok belajar subjek Bahasa Melayu	20	90	2	10
2	Saya sedia menawarkan diri melakukan aktiviti yang diarahkan oleh guru	18	81.8	4	18.2
3	Aktiviti yang saya dilakukan mendorong saya berfikir lebih kreatif.	19	86.4	3	13.6
4	Saya suka datang sekolah jika cikgu mengajar aktiviti lakonan dan nyanyian setiap hari.	18	81.8	4	18.2

Daripada eksperimen ini, guru pengkaji mendapati bahawa pelajar Normal Teknikal lebih cenderung dan aktif dalam kerja-kerja tangan. Mereka sangat tekun berusaha untuk mencapai objektif pengajaran dengan menyiapkan patung-patung yang berwarna-warni dan merancang lakonan mereka. Walaupun ada kalanya perkataan yang mereka ujkarkan agak kurang memuaskan, mereka sedia mendengar teguran dan cuba memperbaiki lakonan mereka dengan meminta untuk membuat persembahan kali kedua. Guru menggalakkan pelajar berusaha lagi untuk memberi mereka peluang kedua dan lebih bersemangat untuk belajar bahasa Melayu.

Dapatan daripada pemerhatian turut serta oleh pengkaji juga mendapati murid-murid menunjukkan riak muka yang ceria dan gembira semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan. Keadaan ini sedikit sebanyak mencerminkan perasaan dalamannya yang cukup seronok dan gembira mengikuti kelas tersebut.

7.6 Dapatan Keseluruhan

Secara keseluruhannya seperti yang disarankan daripada pembacaan mengenai penggunaan teknik-teknik dan aktiviti-aktiviti berdrama ini, seni persembahan yang mencakupi aktiviti bercerita, lakonan pendek dan bermain boneka membolehkan peserta menguji pencapaian intelek, emosi dan nilai hidup mereka. Selain itu, pelajar juga dapat meluahkan pernyataan perasaan seperti marah, kasih, suka dan duka selain dapat memperlihatkan kreativiti. Ciri-ciri sedemikian dapat dieksploitasikan melalui aktiviti yang dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran teknik berdrama untuk mencapai objektif pengajaran akademik yang berbeza-beza sesuai untuk persiapan peperiksaan dan mengaplikasikan kemahiran-kemahiran yang diperlukan di dalam peperiksaan. Murid-murid juga diberi peluang untuk

mengembangkan potensi diri melalui medium seni persembahan. Mereka juga kini lebih berkeyakinan untuk membuat persembahan di depan khalayak.

Kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis memerlukan pemikiran bercapah yang bergantung kepada pengetahuan dan pengalaman peribadi pelajar. Kemahiran yang dimaksudkan merangkumi kemahiran menilai, membuat kesimpulan, menghayati dan mengesan pengajaran. Melalui teknik mengalami, menghayati yang dilakukan oleh pelajar dalam aktiviti berdrama, ternyata menyerlahkan kemampuan berfikir secara kritis dan kreatif. Hal ini sekaligus membuktikan bahawa peningkatan penguasaan kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar boleh dipertingkatkan melalui amalan pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan teknik berdrama.

8. Kesimpulan

Pelajar memerlukan pengajaran dan pembelajaran yang dapat mencungkil bakat mereka, yang melibatkan bukan sahaja minda mereka, tetapi juga perasaan dan emosi mereka untuk mengekalkan objektif pengajaran yang ingin dicapai. Selain daripada membina diri mereka dari segi akademik dan pemikiran mereka untuk menjadi lebih kreatif dan kritis, kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam abad ini, pelajar juga memperkasakan diri mereka dengan keyakinan diri dan keberanian mengambil risiko dalam mencapai sesuatu objektif. Oleh itu, jelaslah daripada perbincangan di atas, sesuatu pengajaran yang direka dengan baik dan teliti menggunakan teknik berdrama akan dapat mencapai hasil yang diinginkan dalam diri pelajar. Guru itu sendiri harus berani mengambil risiko dan mengetepikan rasa malu yang mencengkam diri kerana guru sebagai pemudahcara juga harus memaparkan pengaplikasian teknik berdrama di dalam pengajaran mereka untuk menimbulkan sesuatu suasana pengajaran yang dirasakan selamat dan menggalakkan pelajar untuk mencuba sesuatu yang baru tetapi menarik dan menghiburkan.

Rujukan

- Daniel Willingham (2009), *Why Don't Students Like School? A Cognitive Scientist Answers Questions about how the Mind Works and what it Means for the Classroom*. Jossey Bass A Wiley Imprint
- Bud Nye, R.N.,M.S. (2009), *A Summary of Why Don't Students Like School? A Cognitive Scientist Answers Questions about how the Mind Works and what it means for the Classroom*. E-prime
- Countney, Richard (1991) (terjemahan). *Lakon, Drama dan Pemikiran*. K. Lumpur: DBP
- Ghazali Bin Ismail, Mazlan Zaharuddin Bin Mat Arof, Mohamad Hanifah Bin Moideen, (_____) *Teknik Drama dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Sikap dan Minat Murid Orang Asli di Sekitar Negeri Pahang*, Institut Perguruan Tengku Ampuan Afzan Kuala Lipis, Pahang.
- Mandie M.Moore (2004), *Using Drama as an Effective Method to Teach Elementary Students*. Eastern Michigan University Digital Commons @ EMU Senior Honors Thesis Paper 113
- Maley, A. And Duff, A. (1979) *Drama Techniques in Language Learning*. Cambridge:

Cambridge University Press

- Maley, A. And Duff, A. (2001) *Drama Techniques in Language Learning: A resorce book for Communication Activities for Language Teachers*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Maley, A. And Duff, A. (2005) *Drama Techniques in Language Learning: A resorce book for Communication Activities for Language Teachers*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Peregoy and Boyle. (2008), *Using Drama and Movement to Enhance English Language Learners' Literacy Development*. PearsonHighered.com
- Rahmah Bujang (1989). *Falsafah dan Matlamat Drama dalam Pendidikan*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Drama dalam Pendidikan,. Universiti Pertanian Malaysia Serdang, 14 – 15 Okt.
- Rubin,D., (1991), *Diagnosis and Correction in Reading Instruction*. (2nd Ed.) Massachussets Allyn and Bacon
- Robiah Kulop Hamzah (1989). *Pengendalian Aktiviti Drama dalam Pendidikan di luar bilik darjah*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Drama dalam Pendidikan,. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 14 -15 Okt.
- Dr. Munther Zyoud (_____). *Using Drama Activities and Techniques to Foster Teaching English as a Foreign Language: a Theoretical Perspective*, Al Quds Open University www.DramaEd.net